



KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA GRED G1 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)

1. Tawaran ini terbuka kepada semua Kontraktor Negeri Perak yang berdaftar **dengan CIDB Gred G1, Kategori B dan Pengkhususan B04** serta telah membayar Zakat Perniagaan/Individu.
2. Pendaftaran ini bertujuan memudahkan pemilihan Kontraktor yang berkelayakan bagi tujuan **membina dan membaik pulih rumah asnaf fakir, miskin dan muallaf melalui Skim Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah MAIPK bagi tahun 2026.**
3. Kontraktor-kontraktor yang layak didaftarkan di bawah MAIPK mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1 Gred G1, Kategori B dan Pengkhususan B04;
 - 3.2 Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) CIDB yang masih sah;
 - 3.3 Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
 - 3.4 Kontraktor berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ataupun pertubuhan/perniagaan yang disahkan penubuhannya di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia;
 - 3.5 Mempunyai seorang personel teknikal yang terdiri daripada pemilik atau pekerja warganegara Malaysia (dibuktikan dengan sijik teknikal, sijil kecekapan kemahiran atau sijil akademik berkaitan bidang pembinaan);
 - 3.6 Telah membayar Zakat Perniagaan/Individu tahun 2024/2025 kepada MAIPK (sila sertakan salinan resit rasmi pembayaran zakat);
 - 3.7 Bebas daripada sabitan tindakan tatatertib atau kes mahkamah semasa mengemukakan permohonan; dan
 - 3.8 Mengemukakan Profil Syarikat yang lengkap.
4. Pendaftaran hendaklah menggunakan **Borang Pendaftaran (Lampiran A)** dan **Borang Senarai Semakan Dokumen (Lampiran B)** yang disertakan.
5. Setiap borang pendaftaran hendaklah disertakan dengan profil syarikat yang lengkap serta dokumen yang dinyatakan pada Perkara 3 dan masih dalam tempoh sah.
6. Kontraktor yang berminat untuk mendaftar hendaklah mendapatkan Borang Pendaftaran (Lampiran A) serta Borang Senarai Semakan Dokumen (Lampiran B) dan mengemukakan profil syarikat yang lengkap beserta sijil-sijil pendaftaran serta perakuan terkini seperti dinyatakan dalam Perkara 3. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan semula ke pejabat MAIPK yang berdekatan **sebelum atau pada 22 Januari 2026, jam 12 tengah hari.**
7. Hanya syarikat yang menepati kriteria yang telah ditetapkan dan dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga MAIPK sahaja akan menerima surat lantikan. Sebarang keputusan adalah muktamad.
8. Setelah dilantik, pemilihan adalah berdasarkan pusingan undian serta tertakluk kepada bilangan rumah yang akan dibina dan dibaik pulih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT"

Saya yang menjalankan amanah,

(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, PMP., AMP.)

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tarikh: 09/01/26